

Wajaran SPPU Tahukah Anda?

Prestasi Staf Akademik adalah melalui **Sistem Penilaian Prestasi Universiti (SSPU)**

Komponen-komponen yang dinilai adalah:

- **E** (Pengajaran & Pembelajaran) wajib
- **R** (Penyelidikan & Inovasi) wajib
- **K** (Khidmat) atau **C** (Klinikal)
 - Komponen **C** khusus untuk pensyarah fakulti gugusan kesihatan yang menjalankan khidmat klinikal
- **P** (Pentadbiran) – khusus untuk mereka yang menjawat tugas pentadbiran

Julat Peratusan Setiap Komponen



Kiraan Peratusan Waktu Kerja Pejabat (on-site)

Pekeliling Pendaftar Bil 9/2003

“Bagi kakitangan akademik pula waktu bekerja pejabat tidak ditetapkan tetapi mereka hendaklah berada di pejabat sekurang-kurangnya 40 jam 50 minit seminggu.”

Mengambil kira 100% = 40 jam 50 minit seminggu

Satu minggu bekerja boleh dibahagi kepada 10 sesi (5 sesi pagi & 5 sesi petang)

10% = 4 jam / satu sesi seminggu (separuh waktu bekerja sehari)

= 16 jam / 4 sesi sebulan (dua hari waktu bekerja)

Ringkasan Tugas Pensyarah Perubatan

“Pensyarah Perubatan (laman web JPA) Bertanggungjawab memberi syarahan, tutorial, menjalankan penyelidikan, menghasilkan penerbitan dan pengamal perubatan.”

Pensyarah berstatus aktif sekurang-kurangnya 6 bulan dalam tahun penilaian wajib mengisi SPPU.

Contoh Beberapa Wajaran Ahli Akademik Fakulti Perubatan

01

Pensyarah yang tiada tugas pentadbiran memilih **E:R:K** = 30:60:10. Sebagai panduan, jumlah sesi seminggu atau sebulan adalah seperti berikut:

Komponen	Seminggu	Sebulan
Pengajaran & Pembelajaran (30%)	3 sesi	12 sesi
Penyelidikan & Inovasi (60%)	6 sesi	24 sesi
Khidmat (10%)	1 sesi	4 sesi

02

Pensyarah mempunyai tugas pentadbiran di mana Komponen **P** telah ditetapkan. Contoh seperti Ketua Jabatan di mana Komponen **P** adalah 40%. Wajaran 60% yang dipilih oleh Ketua Jabatan tersebut adalah **E:R:K** = 15:25:20.

Komponen	Seminggu	Sebulan
Pengajaran & Pembelajaran (15%)	1.5 sesi	6 sesi
Penyelidikan & Inovasi (25%)	2.5 sesi	10 sesi
Khidmat (20%)	2 sesi	8 sesi

03

Pensyarah Perubatan jabatan klinikal yang memilih Komponen Klinikal 40%. Pensyarah ini memilih lebihan wajaran **E:R** sebagai 30:30.

Komponen	Seminggu	Sebulan
Pengajaran & Pembelajaran (30%)	3 sesi	12 sesi
Penyelidikan & Inovasi (30%)	3 sesi	12 sesi
Klinikal (40%)	4 sesi	16 sesi

04


Pensyarah Pelatih DU51P di dalam proses pemantauan (masih belum tamat pengajian pascasiswazah tetapi telah tamat tempoh cuti belajar yang dibenarkan oleh UKM, oleh itu dikira berstatus aktif). Oleh kerana tiada atau tidak banyak aktiviti berkaitan Komponen dan **R**, wajaran unik (**E:R:K** = 3:3:94) diberikan dan kekal untuk penilaian jika masih tidak berjaya melepasi peperiksaan pada pertengahan tahun.

05


Contoh berikut adalah untuk yang ingin mengambil kira pertindihan waktu sesi pengajaran klinikal (Komponen **E**) semasa menjalani perkhidmatan Klinikal (Komponen **C**), di mana:

- C+E**, Praktikal (penyeliaan pelajar serentak semasa menjalankan amalan perubatan)
- E**, Teori (contoh, tutorial)
- C**, Aktiviti klinikal tanpa penyeliaan pelajar

- Andaikan pertindihan Komponen **C** dan **E** adalah sebanyak 2 sesi, dan menggunakan pilihan **E** 30% dan **C** 40% seperti contoh di bawah



- Pemilihan wajaran tidak tertakluk kepada % tertentu. Ianya bergantung kepada pelan Pensyarah Perubatan pada tahun tersebut.
- Justeru, wajaran boleh berbeza untuk individu lain seperti contoh di bawah.



Aktiviti Menyumbang kepada Komponen

Senarai dan mata yang menyumbang ke Komponen-komponen **E**, **R** dan **K** boleh di semak di <https://www.ukm.my/panduansppu/> di bawah menu Komponen Penilaian



Apa Anda Perlu Lakukan

1. Jangan runsing. Pilih wajaran mengikut pelan individu. Tarikh tempoh penetapan wajaran diumumkan setiap awal tahun.
2. Wajaran masih boleh diubah mengikut situasi, contoh: lantikan jawatan pentadbiran sebelum bulan Julai pada tahun tersebut. Perubahan di dalam sistem masih boleh dibuat melalui Ketua Pentadbiran Fakulti dengan persetujuan Dekan.
3. Pastikan pembuktian (kecuali E1: Jam Kredit, C1: Waktu Klinikal dan Penjana Klinikal) didaftarkan ke dalam sistem berkaitan.

PERTANYAAN

Penolong Dekan (Perkhidmatan Klinikal)
Prof. Madya Dr Muhammad Maaya
muhammad@ppukm.ukm.edu.my
0192220347

